

NIXODERM OINTMENT

Benzoic Acid 6% w/w, Salicylic Acid 2.5% w/w, Precipitated Sulphur 4.6% w/w

KANDUNGAN RISALAHINI

1. Apakah kegunaan Nixoderm ointment
2. Bagaimana Nixoderm ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nixoderm ointment
4. Cara menggunakan Nixoderm ointment
5. Semasa menggunakan Nixoderm ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nixoderm ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

APAKAH KEGUNAAN NIXODERM OINTMENT

Jerawat, bintik hitam, gatal, ruam dan kurap kulit dan kulit kepala yang disebabkan oleh faktor luaran

BAGAIMANA NIXODERM OINTMENT BERFUNGSI

Nixoderm ointment merupakan sejenis salap yang berkekalan pada kulit. Ia adalah dirumus khas untuk memastikan bahan-bahan aktifnya boleh bertindak dan berkekalan pada kulit untuk jangka masa maksimum. Ini akan memberikan kesan yang lebih baik daripada aplikasi cecair yang nipis atau berminyak yang tidak kekal lama pada kulit.

Benzoic acid membekalkan fungsi antikulat yang baik.

Salicylic acid ialah sejenis agen keratolitik yang membasmikan dan mencegah jerawat

Precipitated sulphur merupakan antisептик, antikulat dan parasitisid yang lembut.

SEBELUM MENGGUNAKAN NIXODERM OINTMENT

Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap mana-mana bahan kandungan dalam produk ini.

Sebelum mula menggunakan

Jika seseorang mempunyai kulit yang amat sensitif, sapuan pertama dengan Nixoderm ointment mungkin memedihkan. Untuk mengelakkannya, sapukan selapis jelı petroleum pada bahagian yang terlibat sebelum disapu dengan Nixoderm ointment.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

CARA MENGGUNAKAN NIXODERM OINTMENT

Rawatan untuk eczema, jerawat, ruam

Selepas dicuci, sapukan Nixoderm ointment perlakan-lahan dan menyeluruh di semua bahagian kulit yang dijangkiti. Lakukannya dua kali sehari, pagi dan malam. Rawatan ini perlu diteruskan selama tujuh hari. Kemudian dihentikan selama tiga hari lalu disambung semula selama tujuh hari berikutnya. Teruskan kaedah rawatan ini sehingga kulit pulih sepenuhnya.

Kaedah untuk gatal kaki

Bersih dan keringkan kaki. Sapukan Nixoderm ointment perlakan-lahan dan menyeluruh di semua bahagian kulit yang dijangkiti, terutamanya di bahagian antara jari kaki. Lakukannya dua kali sehari, pagi dan malam. Rawatan ini perlu diteruskan selama tujuh hari. Kemudian dihentikan selama tiga hari lalu disambung semula selama tujuh hari berikutnya. Teruskan kaedah rawatan ini sehingga kulit pulih sepenuhnya. Ini merupakan salah satu keadaan kulit yang paling degil dan mungkin muncul semula. Oleh itu, ia adalah disyorkan untuk teruskan rawatan untuk tiga minggu selepas tanda-tanda gatal telah hilang.

Rawatan untuk kurap

Sapukan Nixoderm ointment perlakan-lahan dan menyeluruh di semua bahagian kulit yang dijangkiti. Lakukannya dua kali sehari, pagi dan malam. Rawatan ini perlu diteruskan selama tujuh hari. Kemudian dihentikan selama tiga hari lalu disambung semula selama tujuh hari berikutnya. Teruskan kaedah rawatan ini sehingga kulit pulih sepenuhnya. Kurap adalah salah satu keadaan kulit yang paling degil, oleh itu ia adalah disyorkan untuk meneruskan rawatan ini selagi diperlukan.

NIXODERM OINTMENT

Benzoic Acid 6% w/w, Salicylic Acid 2.5% w/w, Precipitated Sulphur 4.6% w/w

SEMASA MENGGUNAKAN NIXODERM OINTMENT

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan sentuhan dengan mata. Jika terdapat kerengsaan, sila hentikan penggunaan.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Setakat ini tiada kesan sampingan dilaporkan untuk produk ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN NIXODERM OINTMENT

Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C dalam bekas kedap udara. Jauhkan daripada sinaran cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Nixoderm ointment tidak patut dibuangkan dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan Nixoderm ointment yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Nixoderm ointment adalah kuning, legap, tekstur berminyak yang seragam dengan bau methol yang lembut. Ia didapati dalam tin hijau dalam 5.34gm dan 17.7gm.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

*Benzoic acid, Salicylic acid,
Precipitated sulphur.*

Bahan tidak aktif:

Paraffin keras, Paraffin cecair, Paraffin putih lembut, *Titanium dioxide, Kaolin, Menthol.*

Nombor Pendaftaran Malaysia (MAL No.)

MAL 19984125XC

PENGILANG

Scanlab Sdn Bhd
No.17, Jalan SBC5, Taman Sri Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

Summit Company (M) Sdn Bhd
Lot 6, Jalan 19/1, 46300
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

17/07/2013